



Ruj. Kami: JKP (KN) SULIT 32 JLD.4/(83)
Bertarikh: 07 Zulkaedah 1445H
16 Mei 2024M

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

**Semua Ketua Pengurusan
Pihak Berkuasa Berkanun Yang Berkenaan**

**Semua Ketua Pengurusan
Pihak Berkuasa Tempatan Yang Berkenaan**

**Semua Ketua Bahagian
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan**

YB. Dato'/ YM. Dato' Tengku/ Dato'/Tuan/ Puan,

**URUSAN KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN BAGI
JAWATAN PEGAWAI TADBIR NEGERI GRED N48 KE GRED N52 BAGI TAHUN 2024**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pengerusi Jumaah Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan bagi Jawatan Dalam Kumpulan Pengurusan Dan Professional Gred 44 Hingga Gred 52 Dan Kumpulan Pelaksana Gred 32 hingga Gred 40 Di bawah Sistem Saraan Malaysia telah bersetuju untuk melaksanakan urusan kenaikan pangkat bagi jawatan Pegawai Tadbir Negeri Gred N48 ke Gred N52.

3. Sehubungan dengan itu, YB. Dato'/ YM. Dato' Tengku/ Dato'/Tuan/ Puan, dimohon untuk mengemukakan maklumat lengkap berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- 3.1 Wajaran LNPT sebanyak **85 %** bagi **tiga (3) tahun terkini** (2021, 2022 dan 2023);
- 3.2 Bebas daripada hukuman tatatertib;
- 3.3 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 3.4 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa;
- 3.5 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 3.6 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

4. Permohonan urusan kenaikan pangkat ini boleh dibuat **MENERUSI SISTEM E-KP** iaitu <https://ekp.kelantan.gov.my/> sebagaimana hebahan yang telah dikeluarkan **no. rujukan: JKP (KN) SULIT 32 JLD.4/(71) bertarikh 01 November 2023**. Bagi memastikan kelancaran urusan kenaikan pangkat ini, pegawai hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan semua maklumat perkhidmatan dalam sistem E-KP sama seperti yang tercatat dalam Buku Rekod Perkhidmatan Pegawai.

5. Seterusnya, permohonan dan dokumen yang lengkap perlu dimuat naik kembali dan di hantar **sebelum atau pada 30 Mei 2024**. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh jabatan akan menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima** tidak akan diproses.

6. Sebarang pertanyaan berhubung dengan urusan kenaikan pangkat ini boleh diajukan terus kepada pegawai berikut:

- | | | |
|-------|-------------------------------------|-----------------------|
| (i) | Puan Diana Melati binti Mohamed | 09-7481957 (ext 2102) |
| (ii) | Cik Nurul Syahirah binti Ibrahim | 09-7481957 (ext 2105) |
| (iii) | Puan Siti Noor Zurainee binti Yahya | 09-7481957 (ext 2149) |

7. Di atas kerjasama pihak YB. Dato'/ YM. Dato' Tengku/ Dato'/Tuan/ Puan, berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT”
“MEMBANGUN BERSAMA ISLAM”

Yang menjalankan amanah,


(HAJI MOHD ZAKI BIN YUSOFF)

Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Merangkap Setiausaha
Jumaah Kenaikan Pangkat
Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan